

Ganti kereta 'usang'

■ Polis Selangor tukar kenderaan peronda di Ibu Pejabat Polis Daerah secara berperingkat menjelang tahun depan

Oleh Norizuan Shamsuddin
norizuan@hmmetro.com.my
Subang Jaya



ABDUL Samah

Peronda (MPV).
"Saya menyedari banyak kenderaan (MPV) yang sudah uzur. Polis Selangor da-

lam proses menggantikan kenderaan lama menerusi penggantian berperingkat mulai bulan ini.

"Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya bakal menerima 16 kereta MPV baru membabitkan model Proton Preve dan Inspira tidak lama lagi," katanya selepas Majlis Perasmian Pondok Bit Polis di USJ 21 di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Bina Puri Datuk Wong Foon Meng, Timbalan Ketua Polis Selangor Datuk Abdul Rahim Jaafar dan Pengarah Urusan Main Place Jason Yam Huang Meng.

Pondok Bit Polis itu dibina bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan berkenaan di samping memberikan kemudahan kepada

orang ramai berhubung dengan pihak polis.

Abdul Samah berkata, kadar indeks jenayah di Selangor mencatatkan penurunan 13.89 peratus (3,801 kes) bagi tempoh antara Januari hingga September lalu.

Katanya, sebanyak 23,770 kes dicatatkan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding 27,571 kes bagi tempoh sama, tahun lalu.

"Pencapaian ini membolehkan gambaran bahawa usaha mencegah dan memberantas jenayah menerusi pelbagai langkah antaranya melalui kekerapan rondaan Unit Ronda Bermotosikal (URB), Unit Kereta Peronda (MPV), peningkatan program kemasyarakatan dan sebagainya," katanya.



MUHAMMAD Raqib

HKL cari waris bayi

Kuala Lumpur: Waris kepada seorang bayi lelaki berusia dua bulan diminta tampil membantu pihak mahkamah membuat keputusan penempatan semula bagi menjamin masa depannya.

Menurut kenyataan Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Lumpur (JKMWPKL), bayi berkenaan dilahirkan di Rumah Transit Baitulmal sebelum dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menjalani rawatan. "Sejak dimasukkan ke

HKL pada 15 Julai lalu, ibu kandung bayi itu, Aisha F Muhammed tidak dapat di kesan sehingga kini.

"Bayi ini belum mempunyai siji lahir dan pihak JK-MWPKL memutuskan untuk menamakan bayi ini sebagai Muhammad Raqib Abdul Muhaimin," katanya. Orang ramai yang mempunyai maklumat ibu bapa atau waris bayi berkenaan boleh menghubungi Pelindung JK-MWPKL, Siti Sarah Khairul Anuar di talian 03-26124000.

UIAM iktiraf dua program IIC

Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) meluluskan pemin-dahan jam kredit bagi gra-duan peringkat diploma dari Kolej Islam Antarabangsa (IIC) untuk menyambung pengajian di universiti berkenaan yang berkuat kuasa serta-merta.

Ketua Pegawai Eksekutif IIC Shamsul Kahar Haron berkata, pemindahan jam kredit itu hanya membabitkan graduan bagi program Diploma Sains Komputer (DCS) dan Diploma Teknologi Maklumat (DIT).

"Kami menyambut baik dan berterima kasih kepada pengurusan tertinggi UIAM itu dan berita terbaharu ini pasti melegakan graduan ba-

ngi dua program berkenaan untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat ijazah di universiti awam itu," katanya.

Beliau berkata, pengumuman terbaharu ini sekali gus meletakkan IIC antara kolej swasta terbaik di negara ini sehingga UIAM mengiktiraf beberapa program peringkat diploma untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah.

Dalam pengumuman terbaharu yang membabitkan pemindahan jam kredit itu, graduan daripada program DCS dan DIT Kolej Islam Antarabangsa akan menyam-

bung pengajian mereka untuk dua program ijazah di Kulliyah of Information and Communication Technology (KICT) UIAM.

Sebanyak 13 subjek maksimum (39 jam kredit) dan 12 subjek maksimum (36 jam kredit) dibenarkan untuk pemindahan jam kredit untuk graduan IIC bagi memasukkan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (BCS) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (BIT) di UIAM.

Untuk Diploma Sains Komputer, 12 subjek diluluskan UIAM untuk pemin-

dahan jam kredit.

Bagi Diploma Teknologi Maklumat, 13 subjek diluluskan untuk pemindahan jam kredit.

Shamsul Kahar berkata, pemindahan jam kredit bagi dua program diploma IIC untuk dua program ijazah di UIAM itu membolehkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang gagal ke universiti awam mengambil peluang terbaik ini untuk menyambung pengajian mereka di IIC.

"Pelajar lepasan SPM boleh menjadikan IIC sebagai wadah untuk mereka belajar bersungguh-sungguh dan kemudian menyambung impian mereka di peringkat ijazah di UIAM," katanya.

Sekinchan

Nelayan ditemui hanyut

Kehilangan tiga nelayan yang keluar menangkap ikan di perairan Bagan Sekinchan di sini, terjawab apabila mereka ditemui hanyut berikutan bot dinaiki kehabisan minyak.

Mangsa berusia 30-an hingga 40-an itu dikesan hilang sejak jam 9.30 malam Isnin lalu, sebelum ditemui nelayan tempatan

di perairan Tanjong Karang di sini, jam 9.30 pagi semalam.

Pemolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima maklumat kehilangan nelayan terbahit jam 8.30 pagi kelmarin daripada pihak polis.

Kuala Lumpur

Tentera maut motor terbabas

Seorang anggota tentera terbunuh apabila motosikal ditunggang terbabas sebelum melanggar papan tanda di Lebuhraya Sultan Iskandar di sini, awal

pagi semalam. Dalam kejadian jam 6.10 pagi semalam, mangsa, Azri Rizbain Jul, 27, maut di lokasi kejadian akibat mengalami kecederaan parah di kepala.

FAKTA
Pengumuman terbaharu ini sekali gus meletakkan IIC antara kolej swasta terbaik

Acara Pengimejan Terbesar & Terhebat

KLPF 2015

Kuala Lumpur Photography Festival
吉隆坡摄影节

9-11 Oktober 2015
Mid Valley Exhibition Centre Kuala Lumpur

Acara Istimewa:
Seminar Fotografi
Pameran Fotografi
Bual Bicara Pengembaraan
Pertandingan Rakaman Model



FB: KLPFMalaysia / Emel: klpf@pcp2u.my / www.klpf.com.my
WhatsApp: +60123371703

Dibawakan kepada anda oleh PCP Publications (002078998-P):
摄影玩家 Advanced IMAGES 旅游玩家 TRAVELIMAGES FOTO

